

09/05/1997

6 firma Eropah mahu sertai MSC

Karim Sulaiman in London

LONDON, Khamis - Sekurang-kurangnya enam syarikat terkemuka Eropah berminat menyertai projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan akan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) mengenai perkara itu ketika promosi MSC di sini, 20 Mei ini.

Syarikat berkenaan, termasuk British Telecom (BT), Siemens, Thompson dan Crone adalah antara syarikat yang bakal menghadiri persidangan pelaburan sempena promosi MSC ke Eropah yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Britain, Datuk Kamaruddin Abu, berkata dalam lawatan itu Dr Mahathir akan memberikan maklumat mengenai MSC kepada kira-kira 700 wakil syarikat atau mereka yang terbabit dalam industri teknologi maklumat (IT) di Eropah.

Menurutnya, taklimat itu turut dihadiri beberapa pegawai tertinggi syarikat gergasi Eropah seperti BT, Ericsson dan Olivetti.

Katanya, MSC menjemput kira-kira 1,000 orang, termasuk wakil dari sektor telekomunikasi, telekesihatan, perisian serta ahli akademik dan penyelidik dari pusat pengajian tinggi.

Dalam satu sidang akhbar di sini semalam, Kamaruddin berkata 100 ahli perniagaan Malaysia turut menghadiri promosi itu.

Menurutnya, lawatan Perdana Menteri ke sini, selain mempromosikan MSC adalah untuk memberikan kefahaman lebih jelas kepada syarikat multimedia Eropah mengenai Malaysia dan peluang pelaburan yang boleh mereka terokai.

"Kita berharap lawatan itu dapat menarik minat syarikat IT Eropah untuk mengambil bahagian aktif dalam MSC serta mewujudkan kerjasama di antara syarikat IT Malaysia dan Eropah," katanya.

Dalam lawatan itu, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan eksekutif tertinggi syarikat multimedia Eropah.

Sementara itu, satu forum akan diadakan di antara ahli perniagaan Malaysia dan wakil 15 syarikat IT terkemuka Eropah mengenai industri multimedia.

(END)